

07/10/1997

THB Industries tingkatkan eksport

THB Industries Bhd (THB Industries), anak syarikat Tongkah Holdings Bhd (Tongkah) yang bakal disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), mengunjur peningkatan bahagian eksportnya kepada 20 hingga 25 peratus pada tahun kewangan semasa berakhir 30 Jun 1998 berbanding 18 peratus sekarang.

Ini selari dengan pelbagai usaha yang sedang dilaksanakan syarikat ke arah itu, termasuk menerokai pasaran baru di Filipina dan China, mulai tahun depan.

Pengerusi Eksekutif THB Industries, Mokhzani Mahathir, berkata pihaknya sudah menubuhkan pejabat jualan di Filipina manakala di China, kajian kemungkinan sedang dijalankan bagi tujuan serupa.

"Kami menjangka eksport pasaran baru terbabit akan dapat dimulakan tahun depan," katanya selepas menandatangani perjanjian taja jamin dengan konsortium institusi kewangan diketuai RHB Sakura Merchant Bankers Bhd (RHB Sakura) sempena rancangan pengapungan THB Industries di Kuala Lumpur, semalam.

Mokhzani dan Pengarah Urusan Kumpulan THB Industries menandatangani bagi pihak syarikat itu manakala RHB Sakura diwakili Pengarah Urusannya, Heah Sieu Lay.

Sempena pengapungannya, menawarkan untuk jualan 12.262 juta saham biasa RM1 setiap satu pada harga RM2.50 sesaham, dengan 1.812 juta diperuntukkan kepada pemegang saham sedia ada syarikat itu; pelabur Bumiputera yang diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (5.338 juta); kakitangan dan pengarah THB Industries (912,000) manakala 4.2 juta lagi untuk langganan awam.

THB Industries diperbadankan dengan nama Mecoprise Sdn Bhd pada 1994, kini mempunyai enam anak syarikat yang bergiat dalam pengeluaran seperti peralatan jitu, peracuanan dan penempaan, mesin automasi, komponen mesin jitu untuk komputer, automobil dan industri lain.

Mokhzani berkata bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun lalu, THB Industries mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM14.5 juta berbanding RM13.5 juta pada 1996 dan RM13.1 juta (1995).

(END)